

# Arkib Negara masih relevan

12. H 3/12/08 M/S 2  
**A**RKIB Negara Malaysia menyambut Hari Arkib 2008 kelmarin. Peranan dan tanggungjawabnya begitu penting untuk menjaga dan memelihara arkib dan rekod awam apabila draf undang-undang Arkib Negara Malaysia dilulus oleh Parlimen pada 1966.

Pada peringkat awal penubuhannya, Arkib Negara Malaysia ditempatkan di Dewan Tunku Abdul Rahman, Jalan Ampang, Kuala Lumpur sebelum dipindahkan ke Petaling Jaya pada 1960.

Bagi memantapkan perkhidmatannya, Jabatan ini berpindah ke Jalan Duta, Kuala Lumpur pada Oktober 1982 apabila bangunan baru Arkib Negara Malaysia siap dibina. Pembukaan rasmi bangunan Arkib Negara Malaysia disempurnakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Per-tuan Agong Ke-7, Sultan Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin al-Mu'adzam Shah sempena Jubli Perak penubuhan Arkib Negara Malaysia pada 1 Disember 1982.

Jabatan ini maju setapak lagi apabila Akta Arkib Negara No. 44/1966 digantikan dengan Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629) bagi mencakupi pengurusan rekod elektronik di samping memperluaskan lagi peranannya dalam aktiviti pengurusan rekod dan arkib secara menyeluruh bermula dari pewujudan, penggunaan dan pemeliharaannya.

Ada sembilan cawangan negeri ditubuhkan dan mengurus serta mentadbir 11 memorial, pustaka dan galeria. Arkib Negara Malaysia terus berusaha agar sentiasa relevan kepada masyarakat dan negara.

**NORSURIATY  
AWANG HASSIM,**  
*Arkib Negara Malaysia.*